



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN KAEDAH GABUNGAN BUNYIKATA DALAM KEBOLEHAN
AWAL BACAAN DIKALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

NANI BT. MENON

FEM 2000 10

**KEBERKESANAN KAEDAH GABUNGAN BUNYIKATA DALAM KEBOLEHAN
AWAL BACAAN DIKALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Oleh

NANI BT. MENON

**Tesis ini Diserahkan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains
di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Oktober 2000



DEDIKASI

Dengan nama Allah yang maha pengasih dan penyayang syukur kepada Allah s.w.t, berkat dari rahmat Nya dapat hambanya menimba ilmu dan memanfaatkan masa yang telah dianugerahkan untuk pengajian Master Sains ini.

Untuk insan yang paling memahami hakikat isteri yang bekerja sambil belajar, suami tersayang Mohd. Nizan. Jutaan terima kasih di atas sokongan moral, material dan kesabaranmu yang begitu tinggi dan tidak ternilai.

Untuk anak-anakku Aliah dan Amir jadikan perjuangan mencari ilmu yang berkat sebagai budaya kehidupan kalian sehingga keakhir hayat. Tekun, sistematis dan ‘smart’ kunci kejayaan. Semoga menjadi anak-anak yang soleh dan cemerlang dunia dan akhirat.

Ayah, tarikh viva ini, kau telah kembali kerahmatullah. Al Fatihah untuk mu, semoga kau tergolong dalam golongan orang-orang muslimin.

Abang, adik-adik dan kakak terima kasih di atas doa dan dorongan semua. Untuk anakku dan anak-anak saudara jadikan kejayaan ini sebagai cabaran ini untuk kalian meneruskan pengajian setinggi yang mungkin.

Nani , 20 Oktober, 2000.

Abstrak tesis yang di kemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEBERKESANAN KAEDAH GABUNGAN BUNYIKATA DALAM
KEBOLEHAN AWAL BACAAN DIKALANGAN KANAK-KANAK
PRASEKOLAH**

Oleh

NANI BT. MENON

Oktober 2000

Pengerusi: Rohani Abdullah, Ed. D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan keberkesanan awal bacaan Kaedah Gabungan Bunyi Kata iaitu satu model pendekatan bawah ke atas. Kajian telah dijalankan ke atas 32 kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun yang terdiri 19 kanak-kanak dari kumpulan eksperimen iaitu kumpulan yang di berikan rangsangan awal bacaan dan 13 kanak-kanak sebagai sampel kumpulan kawalan yang tidak diberi rangsangan awal bacaan. Kaedah ini mengandungi beberapa ujian termasuklah ujian kenal huruf, membaca suku kata, membaca perkataan dan ayat mudah serta ujian membaca rangkai kata.

Keputusan

awal bacaan kanak-kanak adalah di peringkat suku kata. Hasil keputusan pos ujian ke atas kumpulan kawalan hanya ujian suku kata telah menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan tiada peningkatan kebolehan bacaan bagi kumpulan tersebut. Manakala keputusan pos ujian kumpulan

eksperimen telah menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam ujian membaca suku kata, perkataan dan ayat. Hanya ujian memadam huruf tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini membuktikan rangsangan awal bacaan telah dapat meningkatkan kebolehan kanak-kanak kumpulan eksperimen dalam awal bacaan sehingga ke peringkat membaca ayat.

Hasil keputusan kajian keberkesanan awal bacaan di antara pra ujian dan pos ujian kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen telah menunjukkan perbezaan yang signifikan ke atas ujian suku kata dengan keputusan memadam suku kata ($F_{2,28}=7.06$, $p<0.05$), membunyikan suku kata ($F_{2,28}=20.88$, $p<0.05$). Ujian membaca perkataan menunjukkan keputusan ujian baca cantumkan suka kata jadi perkataan menunjukkan nilai ($F_{2,28}=9.9$, $p<0.05$), ujian baca dan padankan perkataan dengan gambar ($F_{2,28}=19.09$, $p<0.05$), baca dan padan perkataan yang sama ($F_{2,28}=21.52$, $p<0.05$) dan ujian cari perkataan yang sama juga menunjukkan nilai ($F_{2,28}=13.71$, $p<0.05$). Keputusan ujian membaca ayat iaitu membaca ayat mudah menunjukkan nilai ($F_{2,28}=14.15$, $p<0.05$), dan ujian baca rangkap ayat menunjukkan nilai ($F_{2,28}=10.65$, $p<0.05$). Keputusan ujian tersebut menunjukkan peningkatan yang signifikan di peringkat pos ujian ke atas kebolehan awal bacaan kanak-kanak.

Keputusan kajian juga menujukan tiada perbezaan yang signifikan di antara kebolehan awal bacaan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan kanak-kanak lelaki dan perempuan mempunyai potensi kebolehan membaca yang sama. Dapatan juga menunjukkan tiada perkaitan

yang signifikan di antara kebolehan awal bacaan kanak-kanak dengan latar belakang kanak-kanak dan keluarga mereka. Keputusan juga telah menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara umur dengan kebolehan awal bacaan. Didapati kanak-kanak yang lebih tinggi umurnya (perbezaan umur dari segi bulan) telah menunjukkan kebolehan awal bacaanya lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang lebih rendah umurnya.

Hasil kajian menunjukkan program awal bacaan kaedah gabungan bunyi kata mempunyai kesan langsung terhadap kemahiran membaca suku kata, perkataan dan ayat. Kanak-kanak yang diberi rangsangan bacaan telah meningkatan tahap kebolehan bacaan Chall dari tahap 0 (pra-bacaan) ke tahap 1 (awal bacaan). Kaedah ini juga dapat meningkat kebolehan membaca ayat ke tahap optimal.

Abstract of thesis submitted to the Senate University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master Science.

THE EFFECTIVENESS OF INTEGRATED PHONOLOGICAL METHOD IN EARLY READING ABILITY AMONGST PRE-SCHOOL CHILDREN.

By

NANI BT. MENON

October 2000

Chairman: Rohani Abdullah, Ed. D.

Faculty: Human Ecology

The purpose of this research was to evaluate the effectiveness of an early reading method , namely Integrated Phonology Method. Integrated Phonology Method ia a form of an interactive bottom-up early, reading model, which was tested among pre-school children. The research subjects consisted of 32 five-year-old preschool children, 19 children in the experimental group who were given an early reading treatment and 13 children in the control group who did not received the early reading treatment. This approach consisted of several tests including recognizing letters, syllable, simple words, simple/short sentences and phrases.

The pre-test findings indicated that the levels of early reading ability for both control and experimental groups were at syllabic recognition level. The pre-test and post-test data collected on the control group, indicated a significant difference in the syllabic recognition only. On the other hand, the experimental group's pre and post-test data depicted a significant difference not only in morphemes recognition but also in word recognition and sentence

reading. Only the letter-matching test did not show any significant different. This indicated that the early reading program could improve children's ability to the extent of sentence reading.

There were significant difference between pre and posttest results in syllabic recognition ($F_{2,28}=7.06$, $p<0.05$), and syllable-pronunciation ($F_{2,28}=20.88$, $p<0.05$). The results of reading test on phonological combination ($F_{2,28}=9.9$, $p<0.05$), matching words with pictures ($F_{2,28}=19.09$, $p<0.05$), matching the same words ($F_{2,28}=21.52$, $p<0.05$) and searching for the same words ($F_{2,28}=13.71$, $p<0.05$) also reading simple sentences ($F_{2,28}=10.65$, $p<0.05$). The results showed significant increased in children reading ability.

The results showed no significant difference between male and female children in their reading ability. This meant that both gender had the same potential in their reading ability. There was also no significant relationship between children's family background and early reading ability. However the results indicated that older children tend to have a higher reading ability, compared to younger children ($r=.65$, $p<0.05$).

The finding of this research showed that an early reading program using an Integrated Phonological Method had a direct impact on reading skills, especially recognition of syllables, words, sentences, and phrases. Children exposed to the program treatment moved from Chil's stage 0 (pre-reading) to stage one (early reading) in their abilities. Their ability to read sentences also increased to an optimal level.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung disepanjang pengajian ini. Kajian ini tidak akan dapat disiapkan tanpa sokongan dan galakkan dari mereka.

Pertamanya sekalung penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa penyeliaan tesis, Dr. Rohani Abdullah selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Penyeliaan yang tidak pernah jemu memberi galakkan dan dorongan yang tidak ternilai terutamanya dalam pencarian teori yang bersesuaian serta idea-idea yang bernalas. Dr. Puteri Zabariah Megat Abd. Rahman yang sentiasa meneliti dan menekankan tentang format dan stil penulisan, dan Dr. Bahaman yang sentiasa memberi komen dan cadangan yang membina. Ketiga-tiga mereka telah menjalankan penyeliaan yang terbaik sepanjang kajian ini. Tidak ketinggalan Dr. Supyan Hussin (UKM) yang membantu mendapatkan sumber rujukan analisis “repeated measure”.

Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Putra Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti pengajian secara sambilan di UPM di bawah calon pegawai. Semua rakan-rakan Rose, Kak Fauziah, Rahman, Narimah, Zalilah, Amrah, Zubaidah, Normah dan Kak Rodhiah di Makmal Perkembangan Kanak-kanak yang sentiasa memberi kerjasama dan dorongan serta semangat untuk terus belajar, terutamanya Mak Sham

dan Nor Hasliza yang terlibat secara langsung dalam pengutipan data dan Yatie yang membantu dalam key-in data.

Penghargaan yang besar juga ditujukan kepada semua kanak-kanak kelas 3 dan 4 yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Mereka telah memberi kerjasama yang amat memberangsangkan disepanjang tiga bulan eksperimen dijalankan.


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Nani bt. Menon telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 20hb. Oktober, 2000 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Keberkesanan Kaedah Gabungan Bunyikata Dalam Kebolehan Awal Bacaan Dikalangan Kanak-Kanak Prasekolah" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah lanjutan) 1981. Jawatankuasa pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Sharifah Norazizan Syed Abd Rashid, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rohani Abdullah, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Puteri Zabariah Megat Abd Rahman, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bahaman Abu Samah, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



MOHD GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.
Profesor
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 JAN 2001

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

KAMIS AWANG, Ph.D.
Profesor Madya
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau Institusi-institusi lain.



Nani bt. Menon

Tarikh: 10/01/2001

KANDUNGAN

	Muka surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
LEMBARAN PENGESAHAN	x
KENYATAAN KEASLIAN	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
BAB I PENGENALAN	1
Permulaan Membaca.....	3
Komponen Pembelajaran Awal Bacaan Di Prasekolah.....	5
Kenyataan Masalah	6
Kepentingan Kajian.....	10
Objektif Kajian.....	14
Hipotesis Kajian.....	15
Limitasi Kajian.....	16
Teori Dan Kerangka Kerja.....	17
Angkubah.....	21
Definisi Konsep Dan Operasi.....	22
BAB II PENULISAN KAJIAN LEPAS DAN KARYA	24
Peringkat Penguasaan Kemahiran Membaca.....	24
Perkembangan Dekod.....	27
Mengenal Huruf Abjad.....	27
Pengecaman Huruf.....	29
Membaca Suku Kata	31
Tahap Perkembangan Membaca.....	33
Kaedah-kaedah Belajar Membaca.....	37
Kaedah Mengajar Bahasa Melayu.....	41
Kaedah Tradisional.....	42
Kaedah Moden.....	44
Kaedah Membaca Bahasa Inggeris.....	47
Kepentingan Awal Bacaan.....	49
Faktor yang Mempengaruhi Kebolehan Bacaan Kanak-Kanak.....	57
Jantina.....	57
Tahap Sosio Ekonomi Keluarga.....	56
Prinsip Pengajaran Bacaan Peringkat awal.....	57
Teori-Teori Berkaitan	60
Teori Sosiobudaya Vygotsky.....	60
Teori Kematangan.....	63
Teori Perkembangan Kognitif.....	64

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	66
Sampel Kajian.....	66	
Lokasi Kajian Dan Latarbelakang Responden.....	67	
Prosedur Kajian.....	70	
Mendapat Latar Belakang Kanak-Kanak.....	70	
Pra Ujian.....	70	
Program Rangsangan Awal Bacaan.....	72	
Instrumen.....	75	
Rangsangan Pengajaran Awal bacaan Kaedah Gabungan Bunyi Kata.....	79	
Pos Ujian.....	83	
Model Kajian.....	84	
Limitasi dan Pengawalan Kajian.....	85	
Analisa Dan Pemprosesan Data.....	87	
BAB IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	90
Latar Belakang Responden.....	91	
Kebolehan Awal Bacaan Kanak-Kanak Kumpulan Kawalan	94	
Kebolehan Awal Bacaan Kanak-Kanak Kumpulan Eksperimen.....	102	
Keberkesanan Pengajaran Awal Bacaan.....	109	
Perbezaan Kebolehan Bacaan Kanak-Kanak Lelaki Dan Perempuan	118	
Perkaitan Di Antara Pencapaian Awal Bacaan Kanak-Kanak Dengan Latar Belakang Keluarga.....	121	
BAB V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	131
RingkasanKkajian	131	
Kesimpulan.....	136	
Implikasi.....	140	
Cadangan.....	143	
RUJUKAN	147	
LAMPIRAN		
A Surat kepada ibu bapa	158	
B Borang latar belakang responden.....	160	
C Borang pengujian pra dan pos ujian	161	
D Prosedur pengujian.....	173	
E Instrumen pengujian.....	181	
F Senarai kosa kata.....	220	
G Alat bantu mengajar dan helaian kerja.....	223	
H Jadual analisis varian pengukuran berulangan	254	
BIODATA PENULIS	255	

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1. Bilangan responden kumpulan eksperimen dan kawalan mengikut jantina.....	68
2. Kandungan ujian awal bacaan.....	71
3. Rangka pengajaran rangsangan awal bacaan.....	79
4. Jumlah kenal huruf kanak-kanak.....	80
5. Bilangan adik-beradik responden.....	91
6. Taraf pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga responden.....	92
7. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan kawalan untuk ujian mengenal huruf.....	95
8. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca suku kata.....	96
9. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca perkataan.....	98
10. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca ayat.....	100
11. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian mengenal huruf.....	103
12. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca suku kata.....	104
13. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca perkataan.....	106
14. Ujian-t berpasangan pra ujian dan pos ujian kumpulan eksperimen untuk ujian membaca ayat.....	107
15. Analisis varian pengukuran berulangan untuk kebolehan awal bacaan mengenal huruf dan membaca suku kata.....	110
16. Analisis varian pengukuran berulangan untuk kebolehan awal bacaan membaca perkataan dan ayat.....	115

17.	Korelasi pearson di antara angkubah bebas dengan angkubah bersandar.....	129
18.	Korelasi spearman di antara angkubah bebas dengan angkubah bersandar.....	130
H1	Analisis varian pengukuran berulangan keberkesanan kaedah gabungan banyikata (test of within subject effects)....	254

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1. Konsep laluan perkembangan bercabang.....	20
2. Rangka kerja perkaitan di antara angkubah bebas dan angkubah bersandar.....	21
3. Model eksperimen gabungan bunyi kata	84

BAB I

PENGENALAN

Kebolehan membaca merupakan salah satu kemahiran yang mesti dikuasai oleh setiap individu. Kepentingan tidak dapat disangkal dengan terbukti ayat Al-Quran pertama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. di bulan Ramadan. Ayat yang tersebut ialah surah Al 'Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

"Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu. Yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah demi nama Tuhanmu yang maha pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Yang mengajar manusia apa yang tidak ketahuannya"

Ayat ini menunjukkan betapa agama Islam menitik beratkan pencarian ilmu. Mencari ilmu adalah satu kewajipan. Surah ini juga menghuraikan agar setiap ummah membaca dan menulis. Ilmu dapat diperolehi melalui pembacaan. Penerokaan ilmu melalui membaca dapat memperluaskan pemikiran dan ide serta meningkatkan kreativiti seseorang dalam pelbagai bidang ilmu (Kamarudin dan Siti Hajar, 1996).

Pelbagai usaha seperti pameran buku, penubuhan pusat sumber, perpustakaan bergerak dan kempen membaca telah diadakan di bandar dan luar bandar untuk menggalakkan semua lapisan masyarakat membaca dan seterusnya meningkatkan kadar literasi penduduk di negara ini. Usaha ini telah membawa kejayaan. Umpamanya dalam Laporan Profil Membaca Rakyat Malaysia 1996, telah menunjukkan kadar literasi penduduk negara ini meningkat dari 84% pada tahun 1995 kepada 92% pada tahun 1996 (Perpustakaan Negara Malaysia,1998). Dalam laporan tersebut juga didapati 79% kanak-kanak 5-9 tahun boleh membaca. Ini merupakan satu gambaran pola di mana kanak-kanak boleh membaca pada peringkat awal lagi.

Adams (1990), Clay (1993), Hanson dan Farrel (1995) dan Schikendanz *et al.* (1991) telah membuktikan bahawa pra bacaan di peringkat awal banyak mendatangkan kesan yang positif terhadap perkembangan minda dan sekaligus membantu proses pembelajaran dimasa akan datang. Oleh itu ibu bapa dan guru memainkan peranan yang amat penting untuk menggalakkan kanak-kanak membaca di peringkat awal. Menurut Donahue (1992), kanak-kanak yang berumur tiga hingga enam tahun perlu diberi galakan mengembangkan bahasa mereka melalui aktiviti lisan, cerita dan nyanyian. Selain dari itu mereka juga memerlukan bimbingan dalam kemahiran pra tulis dan pra bacaan.

Kebolehan membaca di peringkat awal dapat membantu kanak-kanak menguasai pembelajaran apabila di sekolah rendah. Kemahiran membaca

amat penting kerana ia merupakan asas untuk mempelajari bidang-bidang yang lain. Ianya sama penting dengan kemahiran mengira dan menulis. Membaca juga menjadi ukuran kejayaan bagi murid di sekolah (Kamarudin dan Siti Hajar, 1996). Kemahiran ini membolehkan mereka terus bersaing menerokai pengetahuan terkini contohnya bidang teknologi maklumat.

Ramai dikalangan masyarakat dan ibu bapa telah menyedari hakikat bahawa mengajar membaca di peringkat awal dapat membantu anak menerokai ilmu lebih awal. Mereka bersedia membantu mengajar anak mereka membaca lebih awal, tetapi mereka masih kurang pasti bilakah umur yang paling sesuai untuk mula diajar membaca dan bagaimana caranya.

Permulaan Membaca

Umur yang sesuai untuk diajar membaca telah lama menjadi perdebatan dan perbincangan dikalangan ahli-ahli psikologi dan pendidik. Terdapat beberapa pendapat yang boleh diterima pakai untuk kajian ini. Di antaranya adalah Isahak Haron (1995) dan Doman dan Doman (1994) mengatakan pemerolehan bahasa dan keupayaan membaca seseorang bermula sejak lahir. Begitu juga dengan kewujudan pantun, puisi lama:

“Timang tinggi-tinggi
Sampai pucuk atap
Belum tumbuh gigi
Sudah pandai baca kitab”

Puisi tersebut menyokong pendapat bahawa membaca perlu didedahkan di peringkat awal lagi, diibaratkan sebelum bayi itu tumbuh gigi.

Ini merupakan satu gambaran sikap yang positif masyarakat Melayu supaya budaya membaca diterapkan lebih awal. Ke empat-empat ulamak iaitu Shafie, Hambali, Maliki dan Hanafi juga menyokong agar pembelajaran ilmu harus dimulakan semenjak individu itu di peringkat mumaiyiz lagi atau sebelum akil baligh (Atan Long, 1984). Ada pendapat lain yang mengatakan pengajaran membaca yang formal boleh dimulakan apabila kanak-kanak sudah mula mempelajari tentang dunia, dan apabila mereka mula pandai bercakap (Isahak, 1995; Kamarudin dan Siti Hajar, 1996; Doman dan Doman, 1994). Serta bersesuaian dengan peringkat perkembangan dan kematangannya (Donohue, 1992).

Satu kajian oleh Hanson dan Farrel (1995) telah membuktikan bahawa mengajar membaca di peringkat awal dapat meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak. Cuma ia perlu diajarkan dengan pendekatan psikolinguistik kognitif (Kamarudin dan Siti Hajar, 1996). Maka mengajar membaca harus diajarkan pada kanak-kanak dari peringkat awal lagi dengan menggunakan pendekatan yang sesuai apabila kanak-kanak telah bersedia menerimanya.

Untuk membolehkan kanak-kanak menguasai kebolehan membaca tentunya ada kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengajar membaca. Terdapat pelbagai cara dan kaedah untuk mengajar kanak-kanak membaca di antaranya ialah kaedah abjad (Isahak, 1990), kaedah suku kata (Safiah, 1983; Zaidah, 1975), kaedah fonik (Smith, 1988) dan kaedah seluruh perkataan (Cambell, 1995; Durkin, 1987; Doman dan Doman, 1994).

Setiap kaedah tersebut mempunyai kelemahan dan kebaikannya. Walaubagaimanapun bagi memperolehi pengajaran awal bacaan yang lebih berkesan adalah sebaik-baiknya guru menggabung kesemua cirri-ciri yang terbaik kaedah-kaedah mengajar membaca (Isahak, 1990). Dengan cara ini juga guru dapat mempelbagai cara pengajaran disamping meningkatkan kreativiti pengajaran. Walau apa pun kaedah yang dipilih guru perlu mengetahui isi komponen pengajaran awal bacaan, supaya guru dapat menggunakan sebagi titik permulaan untuk mengajar membaca.

Komponen Pembelajaran Awal Bacaan di Prasekolah

Sejajar dengan daptan bahawa kanak-kanak perlu diajar membaca lebih awal, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan merupakan pusat yang bertanggung jawab menyediakan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah (1986, 1999). Salah satu komponen dalam kurikulum tersebut ialah Bahasa Melayu, di mana dalam komponen tersebut tercatat tentang kemahiran awal bacaan. Bidang pengalaman tersebut mengandungi objektif ringkas tentang kandungan pengajaran awal bacaan di peringkat prasekolah.

Objektif pengajaran awal bacaan perlu diterjemahkan kepada aktiviti yang meliputi pengajaran dan pembelajaran seperti mengecam persamaan dan perbezaan bunyi huruf, mendengar dan membezakan nama huruf, mengecam dan mengajuk persamaan dan perbezaan bunyi huruf, membina suku kata, membaca perkataan dan diikuti dengan membaca ayat mudah dan rangkai kata.

Kandungan objektif pengajaran awal bacaan mempunyai kesamaan dengan aktiviti kesediaan membaca (Aukerman, 1971). Beliau telah mengenal pasti enam program yang spesifik untuk menggalakkan kesediaan membaca iaitu mengenal nama huruf, belajar bunyi huruf dan membaca seluruh perkataan, mendapatkan pengalaman membaca, kemahiran berkomunikasi, dan mendengar puisi.

Kenyataan Masalah

Satu kajian masalah pembelajaran ke atas 2,682 murid tahap satu iaitu murid berumur tujuh hingga sembilan tahun di tujuh kawasan di seluruh Malaysia oleh Khadijah dan Zalizan (1994) didapati dari segi pembelajaran awal sebanyak 21.4 % hanya kenal satu huruf abjad. Dari segi penguasaan kemahiran asas 31.3 % kanak-kanak yang tidak dapat membaca langsung manakala 25.6 % tidak dapat mengeja langsung.

Kenapa fenomena tersebut berlaku? Persoalan pokok yang timbul di sini ialah adakah kemungkinan disebabkan oleh ketidak keberkesanan pengajaran membaca di peringkat awal (di prasekolah) yang dipraktikkan selama ini ataupun kemungkinan tiada kesinambungan pengajaran membaca di antara tadika dengan sekolah rendah menyebabkan ujudnya fenomena kanak-kanak tidak pandai membaca. Seharusnya masalah tersebut tidak akan timbul sekiranya pengajaran program awal bacaan diperangkat prasekolah berkesan disamping terdapat kesinambungan pengajaran dan pembelajaran di antara tadika dengan sekolah rendah. Oleh itu permasalahannya dapat dilihat dari dua aspek iaitu keberkesanan

pembelajaran awal bacaan di prasekolah dan kesinambungan kaedah belajar membaca di antara darjah satu dengan prasekolah.

Permasalah kedua ialah ketiadaan panduan kaedah membaca yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan merupakan sebuah unit yang bertanggung jawab menyediakan garis panduan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Garis panduan yang disediakan oleh PPK amat fleksibel, terutamanya dalam pendekatan pengajaran membaca. Kurikulum, tidak menyediakan kaedah tertentu yang boleh digunakan sebagai panduan oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran awal bacaan. Sebaliknya PPK memberi kebebasan kepada guru dan pusat prasekolah untuk memilih mana-mana kaedah yang sesuai mengikut perkembangan dan tahap kebolehan kanak-kanak.

Pelbagai kaedah mengajar membaca yang telah dibincangkan sebelum ini boleh digunakan untuk mengajar membaca bahasa melayu, Walaubagaimanapun tidak semua kaedah telah diuji secara saintifik untuk membuktikan keberkesanan, kebaikan dan keburukan kaedah tersebut. Hanya terdapat beberapa kajian telah dijalankan iaitu kaedah pendekatan suku kata (Zaidah, 1975; Safiah, 1983) dan pendekatan terus membaca (Safiah, 1983). Adalah sewajarnya dapatan kajian-kajian ini dijadikan panduan kepada guru-guru prasekolah untuk memilih kaedah yang telah diuji secara saintifik.